

Pandangan dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu Tradisional – Penerokaan Hasil Semula Jadi

**Nik Musa'adah M, Dionysia M, Abdul Hayat MS,
Noor Aimie, MK, Fatin Nadiah, MS & Md
Azharulzaman MS**

Wacana Manuskrip Melayu 2/2018, PNM, 15 Mei 2018



INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
Forest Research Institute Malaysia

ISO 9001 : 2008
www.frim.gov.my


Rangka Pembentangan

- Pengenalan
- Kaedah penyediaan ekstrak/ubatan
- Kaedah penggunaan ubatan
- Materia medika
- Kesimpulan





PENGENALAN

Perubatan Melayu – kaedah perubatan tradisional yang diwarisi secara turun temurun



Dokumen



Lisan



Temu bual dengan pengamal perubatan tradisional

Penjagaan bagi ibu selepas bersalin

Segenggam kulit pauh bersama-sama kulit halban dan kulit beka direbus di dalam periuk tanah dan dibiarkan mendidih sehingga air rebusan menjadi 1/3 daripada sukatan awal air. Sediaan diminum 1 cawan, sekali sehari pada waktu pagi, selama 3 hari berturut-turut selepas 40 hari waktu berpantang.

Pantang larang:

Jangan makan makanan yang bersifat sejuk seperti kubis, timun dan kacang panjang

Lijah Binti Abdul Rahman

(Bidan - 79 Tahun)

Batu Kurau, Perak



Temu bual dengan pengamal perubatan tradisional

Indikasi: Penjagaan bagi ibu selepas bersalin

Ramuan:

Kulit pokok pauh (*Mangifera indica*)

Kulit pokok halban (*Vitex* sp.)

Kulit pokok beka (*Oroxylum indicum*)

Kaedah penyediaan & cara penggunaan:

Segenggam kulit pauh bersama-sama kulit halban dan kulit beka **direbus** di dalam **periuk tanah** dan dibiarkan **mendidih sehingga isipadu air rebusan menjadi 1/3 daripada sukatan awal air**. Sediaan **diminum 1 cawan, sekali sehari pada waktu pagi, selama 3 hari berturut-turut selepas 40 hari waktu berpantang**.

Pantang larang:

Jangan makan makanan yang bersifat sejuk seperti kubis, timun dan kacang panjang


Manuskrip Perubatan/Kitab Tib

Kandungan:

- Pengenalan tentang ilmu tabib
- Penyakit dan tabiatnya
- Ubat dan rawatan penyakit
- Jenis ubat, daripada herba atau lain-lain bahan
- Proses pembuatan dan penyediaan ubat
- Pantang larang dan amalan penjauh

(Harun, 2006)




Manuskrip/Kitab Tib




**Transliterasi
daripada jawi ke
rumi**

analisis


**Kenal pasti
spesies
tumbuhan dan
preskripsi**



Produk Herba



Penerokaan Hasil Semula Jadi / Proses Penghasilan Produk Herba



Sebagai lagi **ubat angin sanglar** pada seseorang manusia yang sakit pada waktu malam mula-mula sakitnya itu, maka datang sakitnya itu berasa sejuk seperti tiada terhingga lagi sejuknya itu, tiada dapat berbuka kain, atau datang ketar tiada berhingga lagi ketarnya itu; inilah alamatnya angin yang besar yang masuk pada peparu orang itu; maka apabila datang ketarnya yang seperti itu nescaya datanglah lemah segala anggotanya itu hingga jadilah mati sekalian tubuhnya atau kaki tangannya orang itu; **maka inilah ubat yang diberi minum**. Ambil lada sulah berat setahil dan halia berat setahil dan bawang putih berat setahil dan jintan kedua berat setahil dan kunyit tengah tahil dan temu kunci berat setahil dan kulit buah maja berat setahil dan cengkih berat setahil dan dan jadam berat lima emas. Sekalian itu **rebus, airnya tiga cupak tinggal secupak maka beri minum pada orang itu**. Sudah minum ubat itu, hendaklah kita **damahkan sekalian tubuhnya itu**; insya Allah Taala, afiat.

Kitab Tib Muzium Terengganu, hlm. 97

Bab ini ubat sakit perut bisa menyucuk-nyucuk. Ambil cendana janggi dan jerenang dan jemuju. Asah dengan air didih. Minum tiga pagi, afiat insya-Allah.

Kitab Tib MSS 2999, hlm 5

Sebagai lagi ubat kayap di dalam perut.....Sebagai lagi ambil kulit putat, jangan tindih bayang-bayang maka giling dengan lenga maka bubuh pada kayap itu afiat.

Kitab Tib Muzium Terengganu, hlm. 24



Sebagai lagi ubat mata bilis, ambil **air daun susu babi** dan **limau raya yang tua** maka dipermasak ke dapur serta **pacai** maka percelak, afiat olehnya.

(MSS 1292, hlm. 45, Kitab Tib Muzium Terengganu, hlm. 90)

Sebagai lagi, ubat mata bilis. Ambil **kapur barus** dan sedelinggam dan **[daun/akar] susu [babi]**. Maka bakar ambil abunya. Adapun sedelinggam dan kapur itu dipecahkan maka campurkan. Serta abunya itu dipercelakkan pada matanya. Afiat.

(Kitab Tib Muzium Terengganu, hlm. 90; MSS 2515, hlm. 179)

Kaedah Penyediaan Ubat

Pengambilan bahan

- Bahan (tumbuhan, haiwan, logam dll)
- Bahagian yang diguna (akar, rizom, batang, daun, pucuk, buah dll)
- Masa kutipan (belum terbang lalat, jangan tindih bayang, waktu tolehan matahari dll)
- Sukatan (helai, tahil, mangkuk, seemas jemput, pengepit, genggam dll)



Kaedah Penyediaan Ubat

Kaedah pengurangan saiz bahan

- Asah
- Pipis
- Giling
- Giling lumat-lumat

Semakin kecil saiz partikel, semakin besar luas permukaan, semakin banyak bahan bioaktif diekstrak – memastikan serapan bioaktif yang optimum



Kaedah Penyediaan Ubat


Pengekstrakan

- Suhu – direndam, diembunkan, direbus, direndang, dipermasak, ditanak, dibakar
- Jenis pelarut – air, air bermalam, arak, cuka, cuka menahun, air limau nipis, minyak kelapa, minyak sapi, minyak lenga

Suhu & jenis pelarut memainkan peranan dalam memastikan bahan bioaktif dapat diekstrak secara optimum



Kaedah Penggunaan Ubat



Kaedah rawatan yang holistik

Materia Medika

Bahan (tumbuhan, haiwan, logam dll)

- Bahagian yang diguna (akar, rizom, batang, daun, pucuk, buah dll)
- Ramuan



Temu lawak



Temu lawak
(*Curcuma xanthorrhiza*)

Kegunaan tradisional

- Ubat penyakit kepialu (MSS 2515)
- Ubat penyakit kepialu, cericik, angin sanglar, sakit perut dan sawan (Kitab Tib Muzium Terengganu)
- Ubat demam, kurap, resdung, sakit sendi, senggugut, penjagaan selepas bersalin, penjagaan kulit dan darah tinggi (Khazanah Perubatan Melayu)

Kajian saintifik

- Antimikrob (Mary et al., 2012, Rukayadi & Hwang, 2013, Rukayadi & Hwang, 2006)
- Antiinflamatori (Park et al., 2008, Jantan et al., 2004)
- Peningkatan sistem imun (Kim et al., 2007)
- Antioksidan (Jantan et al., 2012)
- Esterogenik (Anggakusuma et al., 2009)

Temu putih



Temu putih / temu kuning /
temu melayu
(*Curcuma zedoaria*)

Kegunaan tradisional

- Ubat penyakit kepialu , cika, sakit kepala & pening, dan batuk (**MSS 2515**)
- Ubat penyakit kepialu , cika, sakit kepala & pening, batuk , letih lesu, sawan, angin dan kembung perut (**Kitab Tib Muzium Terengganu**)

Kajian saintifik

- Antimikrob & antifungus (Wilson et al. 2005)
- Analgesia (Navarro et al., 2002, Christiane et al., 2006)
- Antiinflamatori (Makabe et al. 2006, Hong et al., 2002) perencatan PAF (Han et al., 1995)
- Hepatoprotektif (Matsuda et al., 2004, Kim et al., 2005)



Mengkudu



Mengkudu, cengkudu
(*Morinda citrifolia* L.)

Famili: Rubiaceae

Pokok boleh mencapai ketinggian 9 m. Boleh dijumpai di kawasan hutan tanah pamah, kawasan pantai yang berbatu, dan kebiasaannya ditanam.

Kegunaan tradisional

- Ubat karang (MSS 2515)
- Ubat tiada boleh berak, cacing, sakit gigi, medu, sakit mata, angin sanglar, barah, dan letih lesu (Kitab Tib Muzium Terengganu)
- Ubat seggugut (MSS 2999)
- Ubat buasir, darah tinggi, sakit urat, angin, angin ahmar, barah, demam, seggugut, angin pasang, penjagaan selepas bersalin, & kesihatan dalaman wanita dan penjagaan kulit (Khazanah Perubatan Melayu)



Mengkudu

Kajian saintifik

- Antihelmin & laksatif (Soemardi & Sigit 2011)
- Antioksidan (Wang & Su, 2001)
- Kesan analgesia (Wong et al., 2002, Serafina et al., 2011)
- Immunomodulator (Hirazumi et al., 1999), peningkatan sistem imun (Nayak & Mengi 2010)
- Antimikrob (Sunder et al., 2011)
- Antiinflamatori (Xu et al., 2006)
- Penyembuhan luka (Nayak et al., 2009)
- Hepatoprotektif (Nurdalila 2014)
- Meningkatkan kesuburan (Wang et al., 2011)

Kelampayan



***Neolamarckia cadamba* (Roxb.) Bosser**

Famili: Rubiaceae

Pokok sederhana besar mencapai ketinggian hingga 40 m. Biasanya dijumpai di hutan tanah pamah hingga hutan gunung dengan ketinggian 1000 m, di kawasan tepi sungai dan kawasan lapang yang bertanah lembap.

Kegunaan tradisional

- Ubat kepialu (**MSS 2515**)
- Ubat kepialu, mata kabur dan medu (**Kitab Tib Muzium Terengganu**)
- Ubat sakit urat wanita, penjagaan ibu selepas bersalin, penjagaan kesihatan dalaman dan uluran (**Khazanah Perubatan Melayu**)

Kelampayan

Kajian saintifik

- Analgesia (Wanjari et al., 2010, Dwevedi et al., 2015, Md. Asif Hassan et al., 2013)
- Antiinflamatori (Wanjari et al., 2010., Dwevedi et al., 2015, Chandrashekar et al., 2010)
- Antipiretik (Chandrashekar et al., 2010)
- Antidiabetes (Ahmed et al., 2011, Dwevedi et al., 2015, S.K. Bussa and J. Pinnapareddy 2010, S. Acharyya et al., 2009)
- Antifungus (Patel Divyakant et al., 2011)
- Antifilaria, Antimalaria, Antihepatotoksik (Dwevedi, et al., 2015)
- Antitumor (Madhu Chandel, et al., 2011, Dwevedi et al., 2015)
- Antiepileptik (Pandian et al., 2011)
- Antioksidan (Madhu Chandel, et al., 2011, Dwevedi et al., (2015)

Melur



***Jasminum sambac* (L.) Aiton**

Famili: Oleaceae

Tumbuhan renek atau berkayu jenis memanjat atau merayap mencapai ketinggian hingga 3 m. Kebiasaannya ditanam di kawasan rumah.

Kegunaan tradisional

- Ubat kepialu , demam, balgham, sakit mata, karang (MSS 2515)
- Ubat kepialu, demam, balgham, kayap, serawan, sakit mata, angin dan resdung (Kitab Tib Muzium Terengganu)
- Ubat senggugut, sakit mata (MSS 2999)
- Ubat demam, sakit mata, resdung, sakit kepala, melawas kencing, ketumbuhan payudara, ramuan mandi bunga dan jamu (Khazanah Perubatan Melayu)



Melur

Kajian saintifik

- Antipiretik (Nidhi Sengar et al., 2015)
- Antiinflamatori (Nidhi et al., 2015, Bhangale et al., 2014)
- Analgesik (Bhangale et al., 2014., Rahman et al., 2014)
- Antifungus (Jacinta et al., 2014)
- Antimikrob (Fatouma et al., 2010)
- Antibakteria (Joy & Raja, 2008)
- Antioksidan (Fatouma et al., 2010, Kunhachan et al., 2014)
- Aktiviti vasodilatasi (Kunhachan et al., 2012)
- Penyembuhan luka (Sabharwal et al., 2012)

Kesimpulan

- Kitab tib – kearifan masyarakat Melayu dahulu dalam ilmu perubatan
- Preskripsi yang dalam kitab tib memenuhi keperluan dalam pemprosesan ubatan herba – kualiti, efikasi dan selamat
- Terdapat kajian saintifik yang mendokong kegunaan tradisional



Kesimpulan

Cabaran:

- Penggunaan bahasa klasik (nama penyakit, nama bahan)
- Kemerosotan biodiversiti
- Perubahan moden yang mudah dicapai
- Kurang kajian saintifik kepada ramuan yang disediakan

**Kajian saintifik (evidence based)
berasaskan kitab tib perlu
dipertingkatkan dalam
memperkasakan ilmu perubatan
Melayu**



Penghargaan

- Dr Harun Mat Piah
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- Dr Abdul Ghani Hussain
- Lembaga Muzium Negeri Terengganu
- Perpustakaan Negara Malaysia
- Pasukan penyelidik Projek Pengetahuan Tradisi Melayu
- FRIM



*Terima
kasih*

